

Anwar menghadap Agong sembah maklum urusan negara

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bagi menyembah maklum beberapa urusan negara, dalam lawatan rasminya ke Bahrain.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan itu, beliau turut bertanya khabar mengenai keadaan kesihatan Sultan Ibrahim yang baru sahaja menjalani rawatan konservatif bagi kesakitan *musculoskeletal* (otot dan tulang) yang dialami baginda di luar negara.

“Alhamdulillah, sayajuga berkesempatan bertanya khabar kesihatan baginda Tuanku usai menjalani rawatan tempoh hari.

“Semoga baginda Tuanku terus dikurniakan keafiatan yang baik untuk memayungi negara, insya Allah,” katanya melalui Facebook, semalam.

Kelmarin, Istana Negara memaklumkan, Sultan Ibrahim selamat menjalani rawatan konservatif bagi kesakitan *musculoskeletal* di luar negara dan dijangka berangkat pulang ke Malaysia pada Jumaat ini.

Baginda berangkat ke luar negara pada 7 Februari lalu bagi menjalani rawatan berkenaan.

Perdana Menteri tiba di Bahrain pagi semalam sempena lawatan rasmi bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala sedia ada antara Malaysia dengan Bahrain.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bahrain pada jam 12.45 tengah malam waktu tempatan (5.45 pagi waktu Malaysia) dan disambut Menteri Luar Bahrain, Dr Abdulatif Rashid Al Zayani; Timbalan Gabenor Muharraq, Brigedier Jeneral Jassim Mohammed Al Ghattam; Duta Bahrain ke



Sultan Ibrahim menerima menghadap Anwar dalam lawatan rasmi Perdana Menteri ke Bahrain, semalam.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

Malaysia, Dr Waleed Khalifa Al Manea serta Duta Besar Malaysia ke Bahrain, Shazryll Zahiran.

Ini adalah lawatan pertama beliau ke negara itu sebagai Perdana Menteri dan ia menjadi lebih bersejarah kerana atas

jemputan Putera Mahkota, Sheikh Salman Hamad al-Khalifa yang juga Perdana Menteri Bahrain.